



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN TENDER

TENDER LJT NO. 1/2025

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PEMBINAAN TAPAK UJIAN
KALIBRASI EDM DAN GNSS DI MENGABANG PANJANG,
KUALA NERUS BAWAH SELIAAN JABATAN UKUR DAN
PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) TERENGGANU**

Pengenalan Tender	1
Kenyataan Tawaran.....	2
BAHAGIAN I: MAKLUMAT DAN PERATURAN AM.....	3
1. AM.....	3
2. TEMPOH SIAP KERJA MAKSIMUM	3
3. LAWATAN TAPAK	3
4. PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER.....	3
5. ADENDUM	4
6. INTERPRETASI SECARA LISAN	4
7. NOTIS KEPADA PETENDER	4
8. BANTAHAN OLEH PETENDER	4
9. PETENDER USAHASAMA/GABUNGAN.....	5
10. TEMPOH SAH LAKU TENDER	6
11. KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD	6
12. PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER.....	6
13. IKLAN	6
14. KOS TENDER.....	6
15. PELARASAN HARGA DAN KADAR HARGA.....	6
16. PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN LJT	6
17. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	7
18. BON PELAKSANAAN	7
19. MEMATUHI AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) 1994 (Akta 520)	8
BAHAGIAN II: SYARAT-SYARAT TENDER UNTUK KERJA	9
1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA	9
2. INSURANS.....	9
3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA.....	9
4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA.....	9
5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA	10
6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH LJT.....	10
7. RINGKASAN TENDER	10
8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN TENDER.....	11
9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR	11
10. BAYARAN KEMAJUAN	11
11. KERJA PERUBAHAN	11
12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)	12
13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP	12
14. PERAKUAN SIAP KERJA	12
16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR	12
BAHAGIAN III: CARA MENGEMUKAKAN DOKUMEN TENDER.....	13
BAHAGIAN IV: KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	15
BAHAGIAN V: APPENDIX	19

PENGENALAN TENDER

PEROLEHAN KERJA-KERJA PEMBINAAN TAPAK UJIAN KALIBRASI EDM DAN GNSS DI MENGABANG PANJANG, KUALA NERUS BAWAH SELIAAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) TERENGGANU (TENDER LJT NO. 1/2025)

PERINGATAN:

1. Kontraktor dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir Dokumen Tender sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan Dokumen Tender adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk mendapatkan penjelasan daripada Seksyen Pentadbiran LJT.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Kontraktor adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai tender ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tender berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

KENYATAAN TAWARAN

Pembekal adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan CIDB dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN: Kerja-Kerja Pembinaan Tapak Ujian Kalibrasi EDM dan GNSS di Mengabang Panjang, Kuala Nerus Bawah Seliaan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Terengganu (Tender LJT No. 1/2025).

KOD BIDANG:

Gred CIDB	G4
Bidang Pengkhususan CIDB	CE21 Pembinaan Kejuruteraan Awam ATAU B04 Pembinaan Bangunan

TARIKH MULA TAWARAN :

28 Januari 2026 (Rabu)

TARIKH, TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK :

5 Febuari 2026 (Khamis), JUPEM Terengganu

TARIKH TUTUP TAWARAN :

26 Febuari 2026 (Khamis, jam 12.00 tengah hari)

TEMPOH SAH LAKU:

90 hari

Nota:

1. Lawatan tapak akan diadakan selepas sesi taklimat tender.
2. Kehadiran taklimat tender dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**.

BAHAGIAN I: MAKLUMAT DAN PERATURAN AM

1. AM

- 1.1. Arahan Kepada Petender ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.
- 1.2. Petender hendaklah membaca **Syarat-Syarat Membuat Tender** sebagaimana lampiran kepada Borang Tender.

2. TEMPOH SIAP KERJA MAKSIMUM

- 2.1. Petender hendaklah menawarkan Tempoh Siap Kerja tidak melebihi 90 hari. Petender yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh di atas tidak akan dipertimbangkan.

3. LAWATAN TAPAK

- 3.1. Lawatan tapak adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam iklan tender.
- 3.2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua petender. Kegagalan Petender untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan Petender gagal memasuki tender.
- 3.3. Hanya penama dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak.
- 3.4. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan tender disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

4. PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER

- 4.1. Sekiranya Petender mendapati ada percanggahan di antara Lukisan Tender, Senarai Kuantiti dan/atau Spesifikasi, Petender hendaklah dengan serta merta merujuk kepada pejabat LJT di alamat:

**Unit Perolehan
Lembaga Jurukur Tanah
Aras 5, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-41085191**

- 4.2. Pejabat yang mengeluarkan tender yang akan menyelesaikan dan/atau mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut hanya sah jika dibuat dalam bentuk Adendum secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 6 di bawah.

5. ADENDUM

- 5.1. Sebelum tarikh akhir bagi penyerahan Tender, pejabat yang mengeluarkan tender boleh mengeluarkan Adendum untuk menerangkan atau membetulkan sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap Adendum yang dikeluarkan akan diedarkan kepada Petender dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender.
- 5.2. Penerimaan setiap Adendum mestilah diberitahu melalui Borang Pengesahan Penerimaan Adendum yang disertakan bersama-sama Adendum. Petender hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pengesahan Penerimaan Adendum sebaik sahaja Adendum diterima.
- 5.3. Adendum hendaklah dikemukakan bersama-sama Dokumen Tender. Kegagalan petender berbuat demikian akan menyebabkan Tender berkenaan **DITOLAK**.

6. INTERPRETASI SECARA LISAN

Interpretasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender atas permintaan dan/atau diterima Petender hendaklah tidak diambil kira sebagai membetulkan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender. Sebarang pemberitahuan atau pembetulan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender akan dibuat secara bertulis oleh pejabat yang mengeluarkan tender di dalam bentuk Adendum seperti yang dinyatakan di perenggan 5 di atas.

7. NOTIS KEPADA PETENDER

Setiap notis yang hendak diberi kepada Petender akan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sama ada melalui pos atau pos berdaftar atau pos laju atau serahan tangan atau e-mel atau faksimili. Kaedah pemberitahuan ini hendaklah disifatkan sebagai Penyampaian Notis yang sempurna.

8. BANTAHAN OLEH PETENDER

Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan Dokumen Tender, Spesifikasi, Lukisan dan/atau Senarai Kuantiti yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh Petender dalam tempoh Empat Belas (14) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada:

**Unit Perolehan
Lembaga Jurukur Tanah
Aras 5, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-41085191**

9. PETENDER USAHASAMA/GABUNGAN

9.1. Perjanjian Usahasama

9.1.1. Petender yang berhasrat untuk memasuki tender secara usahasama hendaklah mengemukakan Perjanjian Usahasama semasa mengemukakan dokumen tender. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi pegangan ekuiti setiap rakan usahasama dan bertanggungjawab secara '*jointly & severally*' dan ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.

9.1.2. Bagi tender kerja yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemuanya hendaklah berdaftar dengan LIPIM dan mempunyai PPK dan SPKK dalam gred, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan mengikut nilai tender.

9.1.3. Bagi perolehan yang dikhaskan kepada Bumiputera, syarikat usahasama yang menyertainya mestilah kesemuanya bertaraf Bumiputera dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah daripada PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan. Manakala bagi perolehan yang tidak dikhaskan kepada Bumiputera maka syarikat usahasama yang dibenarkan menyertai perolehan boleh terdiri sama ada kesemuanya bertaraf Bumiputera atau salah satu bertaraf Bumiputera atau kesemuanya bukan Bumiputera.

9.1.4. Kelayakan Asas Petender

Borang Tender/Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*) hendaklah ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama sepertimana di dalam Surat Perjanjian Usahasama.

9.1.5. Pengiraan Kecukupan Modal Minimum

Penilaian Modal Minimum bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan dan digabungkan mengikut faktor ekuiti masing-masing.

9.1.6. Prestasi Kerja Semasa

Prestasi kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa berasaskan kerja-kerja semasa yang dilaksanakan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Status prestasi kerja semasa petender usahasama/gabungan adalah berdasarkan kepada prestasi terendah ahli usahasama/gabungan.

9.1.7. Beban Kerja Semasa

Beban kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan berasaskan jumlah nilai baki kerja dalam tangan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Penilaian beban adalah berdasarkan kepada nilai baki kerja tertinggi ahli usahasama/gabungan dan rujukan kepada Laporan Penyelia Projek mengenai kemajuan kerja petender usahasama/gabungan.

9.1.8. Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja petender usahama/gabungan adalah berdasarkan pengalaman yang digabungkan.

10. TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tender hendaklah terus sah selama tempoh **Sembilan Puluh (90)** hari dari Tarikh Tutup Tender dan Petender tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Seandainya Petender menarik diri dalam Tempoh Sah Laku Tender atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima sesuatu tender setelah ditawarkan kepadanya, tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya.

11. KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD

LJT tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari petender-petender. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender tidak akan dilayan.

12. PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER

12.1. LJT berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan tender. Mana-mana tender yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.

12.2. Pihak LJT tidak terikat untuk menyetujui terima tender terendah atau sebarang tender, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana tender yang ditolak.

13. IKLAN

Petender tidak dibenarkan menyiarkan apa-apa maklumat mengenai tender di dalam sebarang media.

14. KOS TENDER

LJT tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh Petender di dalam penyediaan atau penghantaran tender beliau.

15. PELARASAN HARGA DAN KADAR HARGA

Ringkasan Tender dan/atau Jadual Kadar Harga akan diteliti dan diselaraskan oleh LJT untuk memastikan kemunasabahannya sebelum tender disetujuterima. Harga dan kadar harga yang diselaraskan hendaklah tidak mengubah jumlah harga di Borang Tender.

16. PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN LJT

16.1. Petender wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida** seperti di **Borang K** bersama-sama dengan Dokumen Tender di mana Petender berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat Yang Ditauliahkan.

- 16.2. Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen **WAJIB** dalam penilaian tender peringkat pertama. Sekiranya petender gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani, petender tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- 16.3. Petender yang berjaya wajib mengemukakan dan menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti **Lampiran A** beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

17. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 17.1. Semua Petender adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para petender diberi peringatan seperti berikut:
- 17.1.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 17.1.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 17.1.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 17.1.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

18. BON PELAKSANAAN

Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

- 18.1. Petender yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak sebelum memulakan kerja. Petender dikehendaki menggunakan format Bon Pelaksanaan seperti yang dilampirkan tanpa sebarang pindaan.
- 18.2. Sekiranya kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan dipilih/dikenakan, potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya akan dikenakan sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.
- 18.3. Petender yang berjaya hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	- Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). - Format dan kandungan seperti di Lampiran B

- 18.4. Petender diingatkan untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut nilai projek semasa menghargakan tender. Sebarang rayuan akibat kegagalan kontraktor untuk mengambil kira tempoh sah laku bon pelaksanaan semasa menghargakan tender tidak akan dilayan.

19. MEMATUHI AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) 1994 (Akta 520)

Petender yang berjaya bagi semua tender yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Petender yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak LPIPM.

BAHAGIAN II: SYARAT-SYARAT TENDER UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan tendernya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1. Kontraktor hendaklah mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada LJT semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, LJT berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Jadual Spesifikasi Tender dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Tender ini dan arahan LJT atau Wakilnya.

3.2. Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat tawaran atau Borang Pesanan, tanpa sebab-sebab yang munasabah, surat tawaran atau Borang Pesanan akan dibatalkan oleh LJT dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada LJT.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH LJT

- 6.1. LJT atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh LJT, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2. Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada LJT secara bertulis.

7. RINGKASAN TENDER

- 7.1. Ringkasan Tender hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Tender ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Tender.
- 7.2. Harga-harga dalam Ringkasan Tender hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah tender atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4. Harga-harga dalam Ringkasan Tender yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada LJT tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Tender hendaklah dibuat sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan.
- 7.5. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Tender menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Tender hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Tender. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Tender hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6. Sekiranya tender berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga tender diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN TENDER

8.1. Dokumen Tender adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Tender pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Tender itu.

8.2. Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Tender dia hendaklah merujuk kepada LJT untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

LJT berhak membatalkan Borang Pesanan LJT sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada LJT:

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan LJT tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

LJT dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1. LJT boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh LJT atau yang disahkan kemudian oleh Pegawaiinya boleh membatalkan tender ini.
- 11.2. Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh LJT akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh LJT dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi tender hendaklah dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.
- 12.2. Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati tender ini apabila diarahkan oleh LJT dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3. Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, LJT berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, LJT hendaklah mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pesanan LJT yang telah ditandatangani serta cap/meterai kontraktor, nota penghantaran dan invois kepada LJT.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BAHAGIAN III: CARA MENGEMUKAKAN DOKUMEN TENDER

1. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

1.1 Petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan **keupayaan petender** untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan harga tender.

1.2 Penilaian akan dibuat berasaskan **kelayakan asas tender, keupayaan kewangan, dan keupayaan teknikal (prestasi, dan beban kerja semasa serta pengalaman kerja) petender dan penilaian teknikal (kerja Mekanikal & Elektrik) bagi komponen/peralatan**. Untuk membolehkan penilaian dibuat, petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing:

- i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;
- ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB;
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) (jika berkaitan);
- iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan)
- v) Sijil Pematuhan Cukai (TCC)
- vi) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan sebelum tarikh tutup tender dan yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan
- vii) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah oleh juruaudit bertauliah bagi kewangan terakhir (sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum tarikh tutup tender)
ATAU
Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang tidak diaudit beserta borang SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus Registration of Business (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016 seperti dalam **Borang H**.
- viii) **Borang A** - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender
- ix) **Borang B** – Ringkasan Tender
- x) **Borang C** - Spesifikasi dan Jadual Kadar Kerja
- xi) **Borang D** – Borang Soal Selidik Syarikat
- xii) **Borang E** - Borang Penyata Bulanan Akaun Bank
- xiii) **Borang F** - Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit

- xiv) **Borang G** - Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Maklumat Simpanan
- xv) **Borang H** - Surat Akuan Sumpah Syarikat (jika berkaitan, rujuk 1.2 (vii))
- xvi) **Borang I** - Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender
- xvii) **Borang J** - Rekod Pengalaman Kerja Petender
- xviii) **Borang K** - Surat Akuan Pembida

- 1.3 Dokumen Tender dikemukakan dalam 3 salinan. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN".
- 1.4 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 1.5 Kontraktor boleh merujuk kepada Senarai Semak (Kerja) untuk dokumen-dokumen lain yang perlu dihantar bersama borang-borang di atas.

2. PENYERAHAN DOKUMEN TENDER

- 2.1 Dokumen Tender hendaklah dilengkapi dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenalan Petender pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek berikut di bahagian atas sebelah kanan iaitu:

TENDER LJT NO. 1/2025
KERJA-KERJA PEMBINAAN TAPAK UJIAN KALIBRASI EDM DAN GNSS DI
MENGABANG PANJANG, KUALA NERUS BAWAH SELIAAN JABATAN UKUR
DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) TERENGGANU

dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan pos berdaftar kepada:

PETI TENDER
LEMBAGA JURUKUR TANAH
ARAS 5, WISMA LJT
LORONG PERAK, PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** tidak lewat atau pada pukul 12:00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Mana-mana Tender yang sampai selepas masa dan Tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana Tender yang telah dihantar tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana Tender.

3. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Tender yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin di talian 03-41085191 untuk penjelasan lanjut.

BAHAGIAN IV: KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. LOKASI

Lokasi tapak adalah di Mengabang Panjang, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Nerus, Terengganu.


2. KEPERLUAN SPESIFIKASI

2.1 Pillar


Secara umumnya, spesifikasi bagi pembinaan pillar EDM dan GPS (GNSS) adalah sama, seperti ketetapan yang berikut serta butiran lengkap di Rajah 1 dan 2:

- a) Pillar dibina daripada konkrit setinggi 1.5 meter dan mempunyai tapak bersaiz 1.5m x 1.5m x 1.5m.
- b) Satu plat *stainless steel* dengan skrew 5/8 inci di pasang di tengah pillar bagi menempatkan *tribrach*.


Rajah 1: Spesifikasi asas pillar berdasarkan pandangan atas dan sisi



Rajah 2: Spesifikasi warna pillar




Rajah 3: Susunan dan jarak pillar bagi reka bentuk Tapak Ujian Kalibrasi EDM dan GNSS:



2.2 Papan tanda

Rajah 4: Reka bentuk papan tanda





2.3 Pagar

Contoh pagar anti-climb yang perlu dibina di tapak berkeluasan 1040m x 6m:



2.4 Wakaf

Contoh sebuah ruang rehat berbumbung atau wakaf berukuran 8 kaki x 8 kaki:



PANDANGAN ATAS WAKAF

BAHAGIAN V: APPENDIX

SENARAI SEMAK

PEROLEHAN KERJA-KERJA PEMBINAAN TAPAK UJIAN KALIBRASI EDM DAN GNSS DI MENGABANG PANJANG, KUALA NERUS BAWAH SELIAAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) TERENGGANU (TENDER LJT NO. 1/2025)

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH KONTRAKTOR	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
1.	Dokumen Sebut Harga dikemukakan dalam 3 salinan. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN"		
2.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB		
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB		
4.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) (jika berkaitan)		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan)		
6.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)		
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan sebelum tarikh tutup tender dan yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan		
8.	Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah oleh juruaudit bertauliah bagi kewangan terakhir (sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum tarikh tutup tender) ATAU Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang tidak diaudit beserta borang SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus Registration of Business (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016 seperti dalam BORANG H .		
9.	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender		
10.	Borang B – Ringkasan Tender		
11.	Borang C - Spesifikasi dan Jadual Kadar Kerja		
12.	Borang D – Borang Soal Selidik Syarikat		
13.	Borang E - Borang Penyata Bulanan Akaun Bank		
14.	Borang F - Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit		
15.	Borang G - Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Maklumat Simpanan		
16.	Borang I - Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender		
17.	Borang J - Rekod Pengalaman Kerja Petender		
18.	Borang K - Surat Akuan Pembida		

SENARAI SEMAK

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH KONTRAKTOR	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
19.	Lain-lain dokumen yang lain berkaitan sekiranya ada		

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

PENGESAHAN OLEH PETENDER	UNTUK KEGUNAAN LJT
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada) Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

**BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN
YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER**

Nama Petender :

Alamat :

.....

.....

Kepada,

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PETENDER

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Tender.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang diminta bersama-sama Tender kami sebelum Tender ditutup dan maklumat atau dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, D, E, F, G, H, I, J dan K dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh LJT terhadap kami dan/atau Tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar dan palsu.
